

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini pemansuhan Seksyen 309 Kanun Keseksaan untuk menyahjenayah cubaan membunuh diri selari dengan seruan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, mengambil kira penemuan laporan dalam Malaysian Journal of Psychiatry mendapati undang-undang yang menghukum percubaan bunuh diri tidak mampu mengurangkan kekerapan kes.**

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia. Ini kerana berdasarkan statistik sehingga 2015, insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Percubaan membunuh diri berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Kajian ini meliputi dua bahagian, dimana bahagian pertama kajian ini ditumpukan kepada kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan. Manakala bahagian kedua kajian ditumpukan kepada kesalahan persubahatan membunuh diri di bawah seksyen 305 dan 306 Kanun Keseksaan. Pada masa kini, bahagian pertama kajian ini sedang dalam peringkat rundingan dengan pihak yang berkepentingan.

Jabatan Peguam Negara juga sedang menimbangankan cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya. Kajian juga turut melihat perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura.

Sekian, terima kasih.